

20 SEP 2002

Belanjawan-Kontraktor

NILAI KONTRAK SEMUA KELAS KONTRAKTOR BUMIPUTERA DINAIKKAN

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Nilai kontrak kerajaan bagi semua kelas kontraktor Bumiputera dinaikkan antara sekali dan hampir empat kali ganda untuk memberi peluang kepada mereka mendapat kontrak yang lebih besar memandangkan ia tidak pernah disemak sejak tahun 1970an.

Belanjawan 2003 yang dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mencadangkan untuk meningkatkan nilai kerja kontraktor kelas A daripada RM4 juta ke atas kepada RM15 juta ke atas.

Bagi kelas B, nilai kontrak dinaikkan dari antara RM2 juta dan RM8 juta kepada RM5 dan RM15 juta, kelas C antara RM750,000 dan RM2 juta kepada RM2 juta dan RM5 juta, kelas D antara RM150,000 dan RM750,000 kepada RM500,000 dan RM2 juta, kelas E antara RM100,000 dan RM350,000 kepada RM200,00 dan RM500,000 serta kelas F dari RM100,000 ke bawah kepada RM200,000 ke bawah.

"Saya berharap kontraktor Bumiputera bersedia meningkatkan daya keusahawanan dan keupayaan teknikal mereka supaya kelayakan yang lebih tinggi dapat dimanfaatkan dan kualiti kerja lebih terjamin," kata beliau dalam ucapan belanjawan yang dibentangkan di Parlimen.

Dr Mahathir berkata untuk memberi peluang kepada kontraktor Bumiputera kelas F, beberapa projek infrastruktur di luar bandar, termasuk pembinaan jalan kampung dan jambatan, membaiki bangunan seperti surau, dewan orang ramai dan kemudahan asas akan dilaksanakan.

Beliau berkata bagi tujuan ini, sebanyak RM963 juta akan dibelanjakan tahun ini dan diagihkan secara seimbang dengan keutamaan diberi kepada negeri miskin dan yang mempunyai banyak kawasan pedalaman.

Menyentuh tentang usaha kerajaan untuk mewujudkan kontraktor dan usahawan Bumiputera yang berdaya maju, Dr Mahathir melahirkan rasa kesal kerana terdapat kontraktor bumiputera tidak dapat melaksanakan kontrak yang diberikan walaupun diberi banyak kemudahan dan kelonggaran syarat, malah ada yang menjual kontrak itu untuk keuntungan segera.

"Tindakan tidak bertanggungjawab ini telah menjejaskan usaha kerajaan untuk mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan bertekad untuk lebih teliti dalam memberi kontrak pada masa akan datang supaya ia akan dapat disalurkan kepada kontraktor yang benar-benar bertanggungjawab, komited serta bersungguh-sungguh untuk maju.

Katanya kerajaan akan menyenaraihitamkan pihak yang menjual kontrak atau tidak mengambil bahagian aktif dalam urusan kontrak.

Menyentuh tentang usaha bagi menambah bilangan Bumiputera dalam sektor peruncitan, sebanyak RM50 juta diperuntukkan bagi meneruskan perlaksanaan fasa kedua Projek Usahawan Bumiputera dalam bidang Peruncitan (PROSPER).

Katanya fasa pertama pada tahun 2002 membabitkan dana berjumlah RM15 juta sedang dilaksanakan dan sebanyak 155 syarikat telah diberi kelulusan untuk menyertai projek berkenaan, termasuk 21 yang dimiliki oleh bekas tentera.

-- BERNAMA

AZH ZS ROS